

Headline	Arab Saudi ambil langkah pastikan keselamatan jemaah haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	3	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	310 cm ²
Journalist	ZULKIFLEE BAKAR Melaporkan dari ARAB	AdValue	RM 6,183
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,549



Arab Saudi ambil langkah pastikan keselamatan jemaah haji



MADINAH 31 Julai - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yakin kerajaan Arab Saudi telah mengambil langkah sewajarnya dalam memastikan keselamatan semua jemaah haji termasuk Malaysia.

Pengarah Operasi Madinah, Mohd. Zawawi Bostam berkata, antara langkah yang dilakukan ialah menempatkan anggota keselamatan di sekitar masjid-masjid dan kawasan strategik.

Katanya, dari segi jemaah haji Malaysia pula, Tabung Haji telah mengadakan perbincangan dengan pihak hotel berhubung tindakan yang akan dilakukan jika berlaku krisis.

"Pihak hotel sudahpun memasang alat pengimbas keselamatan di pintu-pintu masuknya dan pada tahun ini semua jemaah haji Malaysia di Madinah akan ditempatkan di tiga buah hotel," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

info

FAKTA JEMAAH HAJI MALAYSIA

Jumlah keseluruhan jemaah: **22,320 ORANG.**

Jumlah jemaah menaiki pesawat terus ke Madinah: **11,796 ORANG.**

Jumlah jemaah menaiki pesawat ke Jeddah: **10,524 ORANG.**

Jumlah penerbangan: **47**

Mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Madinah: **25**

Mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah: **22**

da wartawan Malaysia di Pejabat Hal Ehwal Jemaah Haji Malaysia di sini hari ini.

Mohd.Zawawi berkata, perbincangan juga diadakan dengan pihak hotel berhubung tempat berkumpul dan semua maklu-

mat berkaitan akan disampaikan kepada jemaah Malaysia.

"Langkah itu bertujuan bagi membolehkan mereka mengetahui apa yang perlu dilakukan jika terjadi kecemasan," katanya.

Beliau yang juga Naib Konsul Haji Tabung Haji berkata, pada tahun ini seramai 22,320 jemaah Malaysia akan menunaikan ibadah tersebut.

"Daripada jumlah itu, seramai 11,796 orang jemaah akan menaiki pesawat yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Madinah manakala selebihnya di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdul Aziz di Jeddah.

"Ia melibatkan 47 penerbangan iaitu 25 mendarat di Madinah manakala selebihnya penerbangan di Jeddah," katanya.

Bagi keselamatan jemaah haji, Mohd.Zawawi menasihatkan mereka supaya mematuhi arahan yang diberikan dan tidak membawa apa-apa unsur politik tanah air ke Arab Saudi.

"Elak terlibat dalam sebarang agenda politik sebaliknya tumpu kepada ibadah haji yang hendak dilaksanakan," katanya. - UTUSAN



SEBAHAGIAN daripada petugas Tabung Haji memeriksa barangan sebaik sahaja tiba di Madinah dari Mekah semalam.